



23 JAN, 2026

DBKL roboh struktur tambahan kedai vape

Harian Metro, Malaysia



DBKL roboh struktur tambahan kedai vape

Kuala Lumpur: Tindakan sebuah kedai rokok elektronik atau vape membina struktur tambahan kekal tanpa kelulusan di Jalan Sembilang Taman Tenaga, Bandar Tun Razak di sini, mengundang padah apabila dirobohkan kelmarin.

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dengan kerjasama **Tenaga Nasional Berhad (TNB)**, Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Perbadanan Pengurusan Sisa

Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp) melaksanakan operasi bersepadu merobohkan struktur tambahan kekal tanpa kelulusan itu.

DBKL berkata, tindakan penguatkuasaan bersepadu itu dilaksanakan selepas pemilik struktur gagal mematuhi Notis Penguatkuasaan dan Notis Pengosongan Tapak pada 2 September 2025 dan 12 Januari lalu yang dikeluarkan ber-

kaitan kesalahan serta tiada sebarang kelulusan terhadap struktur kekal yang dibina menerusi Akta Jalan Parit dan Bangunan 1974.

“DBKL bersama agensi sahabat melaksanakan tindakan meroboh struktur kekal yang menjalankan aktiviti perniagaan rokok elektronik berserta aksesori selepas premis perniagaan dikosongkan pemilik dan **pemotongan bekalan**

elektrik oleh TNB.

“Operasi penguatkuasaan berjalan lancar tanpa sebarang provokasi,” katanya dalam kenyataan, semalam.

Katanya, DBKL akan meneruskan tindakan dan pemantauan dari semasa ke semasa.

Sebarang aduan orang awam boleh berhubung atau menyalurkan maklumat di pautan <https://adukl.dbkl.gov.my/>.